


Volume II  
No. 14



Saturday  
13th November, 1965

# PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT  
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

SECOND SESSION OF THE SECOND PARLIAMENT  
OF MALAYSIA

## CONTENTS

**ORAL ANSWERS TO QUESTIONS [Col. 2453]**

**MOTION—**

**The Development (Supplementary) (No. 2) Estimates, 1965  
Committee—**

**Heads 146, 147, 177, 198 and 199 [Col. 2481]**

**BILL—**

**The Rubber Research Institute of Malaya Bill [Col. 2498]**

**ADJOURNMENT OF THE HOUSE (Motion) [Col. 2523]**



MALAYSIA

**DEWAN RA'AYAT**  
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

*Official Report*

---

Second Session of the Second Dewan Ra'ayat

---

*Saturday, 13th November, 1965*

*The House met at Ten o'clock a.m.*

PRESENT:

- The Honourable Mr Speaker, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.
- .. the Prime Minister, Minister of External Affairs and Minister of Culture, Youth and Sports, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- .. the Minister of Home Affairs and Minister of Justice, DATO' DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johor Timor).
- .. the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka Tengah).
- .. the Minister of Works, Posts and Telecommunications, DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungai Siput).
- .. the Minister of Transport, DATO' HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- .. the Minister of Health, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN, (Kuala Pilah).
- .. the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- .. the Minister for Welfare Services, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- .. the Minister for Local Government and Housing, ENCHE' KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- .. the Minister for Sarawak Affairs, DATO' TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- .. the Minister of Labour, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- .. the Minister of Information and Broadcasting, ENCHE' SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- .. the Minister of Agriculture and Co-operatives, TUAN HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- .. the Minister of Lands and Mines, ENCHE' ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).

- The Honourable the Assistant Minister of National and Rural Development, ENCHE' SULAIMAN BIN BULON (Bagan Datoh).
- „ the Assistant Minister of Culture, Youth and Sports, ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., S.M.T., P.J.K. (Trengganu Tengah).
- „ the Assistant Minister of Education, ENCHE' LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ the Assistant Minister of Finance, DR NG KAM POH, J.P. (Telok Anson).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Health, ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Labour, ENCHE' LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Finance, ENCHE' ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ the Parliamentary Secretary to the Deputy Prime Minister, ENCHE' CHEN WING SUM (Damansara).
- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N., (Melaka Utara).
- „ ENCHE' ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG (Sarawak).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
- „ ENCHE' ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN GUL AHMAD MIANJI (Pasir Mas Hulu).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., S.M.J., P.I.S. (Segamat Utara).
- „ ENCHE' ABU BAKAR BIN HAMZAH (Bachok).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kelantan Hilir).
- „ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N., (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ CHE' AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ O.K.K. DATU ALIUDDIN BIN DATU HARUN, P.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- „ ENCHE' CHIA CHIN SHIN, A.B.S (Sarawak).
- „ ENCHE' FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ ENCHE' CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ ENCHE' D. A. DAGO ANAK RANDEN *alias* DAGOK ANAK RANDAN (Sarawak).
- „ ENCHE' C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).

- The Honourable DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID  
(Johor Bahru Timor).
- .. DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.  
(Jitra-Padang Terap).
- .. ENCHE' S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
- .. ENCHE' GANING BIN JANGKAT (Sabah).
- .. ENCHE' GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).
- .. TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- .. ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P.  
(Kulim Utara)
- .. ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).
- .. WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).
- .. ENCHE' STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).
- .. ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN, A.M.N. (Raub).
- .. DATO' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N., P.J.K.  
(Parit)
- .. TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN  
(Kota Bharu Hulu).
- .. ENCHE' IKHWAN ZAINI (Sarawak).
- .. ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- .. DATO' SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N.  
(Johor Tenggara).
- .. PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).
- .. ENCHE' KADAM ANAK KIAI (Sarawak).
- .. ENCHE' THOMAS KANA (Sarawak).
- .. ENCHE' KHOO PENG LOONG (Sarawak).
- .. ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- .. ENCHE' AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).
- .. DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).
- .. DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- .. ENCHE' LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- .. ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- .. ENCHE' JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).
- .. ENCHE' MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- .. DATO' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, P.M.K.  
(Pasir Puteh).
- .. ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).
- .. ENCHE' MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
- .. ENCHE' MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P.  
(Jelebu-Jempol).
- .. ENCHE' MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K.  
(Kuala Langat).
- .. ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- .. WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).
- .. TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- .. ENCHE' MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH  
(Pasir Mas Hilir).
- .. TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S.  
(Sarawak).

- The Honourable DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S.,  
A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- .. ENCHE' MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).
- .. DATO' NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N.,  
P.Y.G.P., DATO' SRI SETIA RAJA (Kota Bharu Hilir).
- .. ENCHE' NG FAH YAM (Batu Gajah).
- .. ENCHE' ONG KEE HUI (Sarawak).
- .. TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
- .. TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N.  
(Johor Bahru Barat).
- .. ENCHE' RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).
- .. TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P.  
(Rembau-Tampin).
- .. RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor)
- .. ENCHE' SEAH TENG NGIAB, P.I.S. (Muar Pantai).
- .. ENCHE' SIM BOON LIANG (Sarawak).
- .. ENCHE' SNAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
- .. ENCHE' SNG CHIN JOO (Sarawak).
- .. ENCHE' SOH AH TECK (Batu Pahat).
- .. ENCHE' SULEIMAN BIN ALI (Dungun).
- .. PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
- .. ENCHE' TAJUDDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- .. ENCHE' TAI KUAN YANG (Kulim Bandar Bharu).
- .. DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- .. ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- .. ENCHE' TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- .. ENCHE' TAN TSAK YU (Sarawak).
- .. ENCHE' TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
- .. ENCHE' TOH THEAM HOCK (Kampar).
- .. ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
- .. ENCHE' STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).
- .. TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K.  
(Langat).

ABSENT:

- The Honourable the Deputy Prime Minister, Minister of Defence, Minister of  
National and Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK  
BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- .. the Minister of Education, ENCHE' MOHAMED KHIR JOHARI  
(Kedah Tengah).
- .. the Assistant Minister of Commerce and Industry,  
TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN,  
(Kota Star Utara).
- .. ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).
- .. ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN, K.M.N., P.J.K.  
(Krian Laut).
- .. DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, Dato' Bijaya di-Raja  
(Kuala Trengganu Selatan).
- .. Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL  
RAHMAN, P.P.T. (Rawang).

The Honourable	DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
..	ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
..	ENCHE' CHAN SEONG YOON (Setapak).
..	ENCHE' EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
..	DATU GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).
..	ENCHE' HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N (Jerai).
..	ENCHE' HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).
..	ENCHE' KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).
..	DATO' KHOO SIAK CHIEW, P.D.K. (Sabah).
..	ENCHE' EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
..	ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
..	ENCHE' PETER LO SU YIN (Sabah).
..	DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).
..	DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
..	ENCHE' MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungai Patani).
..	ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
..	ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).
..	ENCHE' SANDOM ANAK NYUAK (Sarawak).
..	ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
..	DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
..	ENCHE' SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).
..	ENCHE' TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
..	ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
..	ENCHE' YEH PAO TZE (Sabah).

## PRAYERS

(Mr Deputy Speaker *in the Chair*)

### ORAL ANSWERS TO QUESTIONS

#### BELIA MEMASOKI RANCHANGAN F.L.D.A.

1. Enche' Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis) bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah beliau sedar sa-bahagian besar pemuda<sup>2</sup> di-tanah ayer kita ini kehidupan-nya bertanggong kepada chuchok tanam, ada-kah Kerajaan berhajat hendak menggalakkan mereka itu dengan mengambil bahagian dalam ranchangan tanah dengan mengadakan Ranchangan (F.L.D.A.) untuk orang<sup>2</sup> yang mempunyai kelamin, tetapi ranchangan ini khas untuk belia<sup>2</sup> sahaja.

The Asst. Minister of National and Rural Development (Enche' Sulaiman bin Bulon): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedia sahaja menimbangkan

dan membinchangkan dengan Kerajaan<sup>2</sup> Negeri, perkara<sup>2</sup> membuka ranchangan<sup>2</sup> tanah untuk belia<sup>2</sup> atau pun soal memasokkan mereka kadalam ranchangan<sup>2</sup> tanah Kerajaan yang ada sekarang ini jika mereka ingin hendak mengambil bahagian.

Enche' Hussein bin To' Muda Hassan (Raub): Tidak-kah Yang Berhormat Menteri itu sedar satu daripada syarat hendak masok ranchangan tanah Kerajaan itu mesti-lah orang itu berkelamin? Di-harap kalau sa-kira-nya dapat, tolong potong perkataan kelamin itu, masokkan pemuda<sup>2</sup>?

Enche' Sulaiman bin Bulon: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar perkara itu, tetapi ini ada-lah satu ranchangan baharu yang boleh nanti di-timbangan oleh Kerajaan sendiri.

Enche' Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, bila-kah agak-nya ranchangan yang baharu di-ishtiharkan itu di-mulakan?

**Enche' Sulaiman bin Bulon:** Tuan Yang di-Pertua, kita akan menerima laporan daripada Negeri<sup>2</sup> dahulu jika ada. Kalau tidak, ta' ada di-buat.

**Dato' Nik Ahmad Kamil (Kota Bharu Hilir):** Tuan Yang di-Pertua, jika rancangan ini rancangan lama dan di-hadkan kepada orang berke-lamin, tidak-kah boleh Kementerian mengadakan rancangan baharu untuk boleh di-masokkan pemuda<sup>2</sup> kita yang belum berkelamin lagi.

**Enche' Sulaiman bin Bulon:** Itu-lah perkara-nya, Tuan Yang di-Pertua, yang hendak di-timbangkan kerana rancangan tanah ini ia-lah tanggung-jawab Kerajaan Negeri melainkan F.L.D.A.

**Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak):** Tuan Yang di-Pertua, rancangan tanah ia-lah rancangan negeri, tetapi memasokkan orang<sup>2</sup> ka-dalam rancangan baharu itu ia-lah bersangkut dengan Kementerian ini. Jadi yang di-nyatakan di-sini ia-lah berkenaan dengan belia, bukan berkenaan dengan tanah. Belia itu, adakah mempunyai kehendak kepada dasar Kerajaan hendak memasokkan belia yang belum berkahwin itu ka-dalam rancangan tanah yang hendak di-buat.

**Enche' Sulaiman bin Bulon:** Tuan Yang di-Pertua, kita belum lagi mendapat rancangan daripada belia itu sendiri. Jadi bagaimana kita hendak menimbangkan soal ini.

**Enche' Abdul Razak bin Haji Hussin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Menteri Yang Berhormat sedar pada Budget meeting tahun yang lepas perkara ini telah di-kemukakan? Dan jawapan Menteri yang berkenaan perkara ini akan di-timbangkan. Sa-takat mana-kah timbangan itu dapat di-lakukan?

**Enche' Sulaiman bin Bulon:** Tuan Yang di-Pertua, belum ada apa<sup>2</sup> permohonan daripada belia, Tuan Yang di-Pertua.

**Enche' Abu Bakar bin Hamzah (Bachok):** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu Kerajaan

bersedia menimbangkan permintaan daripada pehak belia ia-itu daripada pehak orang yang belum kahwin lagi hendak masuk di-dalam rancangan yang baharu ini. Orang<sup>2</sup> yang berkah masuk dalam tanah baharu atau rancangan baharu itu ia-lah manusia, tidak di-tentukan laki<sup>2</sup> atau perempuan. Jadi ada-kah Kementerian kita ini menyediakan dua rancangan ia-itu satu rancangan khas belia laki<sup>2</sup> dan satu rancangan lagi khas untuk belia dan wanita sahaja yang belum kahwin.

**Enche' Sulaiman bin Bulon:** Tuan Yang di-Pertua, kami belum ada apa<sup>2</sup> permintaan daripada belia sendiri, bahkan belum ada apa<sup>2</sup> rancangan daripada Kementerian Belia sendiri. Kalau ada permintaan sa-umpama ini boleh-lah kedua<sup>2</sup> Kementerian ini menimbangkan-nya. Sekarang ini apa yang kita hendak soalkan kerana permohonan dan permintaan belum ada.

**Enche' Ramli bin Omar (Krian Darat):** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, apa kata Yang Berhormat Menteri Belia—dapat-kah Yang Berhormat kerjasama dengan Menteri yang berkenaan berhubung dengan itu.

**The Asst. Minister of Culture, Youth and Sports (Engku Muhsein bin Abdul Kadir):** Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya perkara ini telah di-beri jawapan pada petang sa-malam ia-itu pertanyaan Yang Berhormat daripada Johor, yang pehak Kementerian atau pun Kerajaan memang ada rancangan, sa-bagai permulaan, yang di-namakan Angkatan Belia Pelupor. Dan daripada permulaan ini-lah boleh di-timbangkan akan rancangan yang lebeh besar lagi saperti ladang<sup>2</sup> belia dan lain<sup>2</sup> lagi pada masa akan datang.

## SHARIKAT<sup>2</sup> KERJASAMA MENANAM MODAL DALAM BANK BUMIPUTERA

**2. Enche' Abdul Razak bin Haji Hussin** bertanya kepada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama ada-kah beliau mempunyai rancangan supaya Sharikat<sup>2</sup> Kerjasama dan Pinjam Meminjam Bumiputera menanam modal-nya di-dalam Bank Bumiputera



yang di-tubuhkan baharu<sup>2</sup> ini; kalau tiada, apa-kah sebab<sup>2</sup>-nya maka langkakah seperti itu tidak di-ranchangkan.

**Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama (Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi):** Tuan Yang di-Pertua, Sharikat<sup>2</sup> Kerjasama ada-lah di-benarkan dan bebas menanam modal dalam mana<sup>2</sup> Bank Sharikat<sup>2</sup> Kerjasama atau pertubohan<sup>2</sup> yang di-luluskan di-bawah Undang<sup>2</sup> Sharikat<sup>2</sup> Kerjasama No. 33/1948. Keputusan menyimpan atau menanam modal di-dalam Bank itu ada-lah terpeluang kepada Sharikat Kerjasama<sup>2</sup> sendiri dan Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama akan menggalakkan Sharikat<sup>2</sup> Kerjasama membeli saham di-dalam Bank Bumiputera.

**Enche' Abdul Razak bin Haji Hussin:** Soal tambahan, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya maksudkan, Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama mempunyai ranchangan, bukan sahaja menggalakkan tetapi memestikan. Terima kasih.

**Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu mengetahui ia-itu langkah<sup>2</sup> yang di-jalankan oleh Sharikat<sup>2</sup> Kerjasama ada-lah di-jalankan mengikut keputusan meshuarat Sharikat<sup>2</sup> itu sendiri. Jadi saya rasa ada-lah tidak waras kalau sa-kira-nya pihak Kementerian memaksa semua Sharikat<sup>2</sup> Kerjasama mesti membeli saham<sup>2</sup> itu. Apa yang dapat di-jalankan oleh Kementerian ia-lah memberi galakan atau arahan dan arahan itu akan di-timbangkan oleh Jawatan-kuasa Sharikat Kerjasama dan saya perchaya kebanyakan atau, boleh jadi, semua Sharikat<sup>2</sup> Kerjasama akan menanam modal mereka di-dalam Bank Bumiputera itu kelak.

**Enche' Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, soal tambahan. Saya dapat faham daripada jawapan Yang Berhormat Menteri bahawa Kementerian-nya tidak mempunyai sa-barang kuasa untuk memestikan sa-sebuah sharikat itu supaya menanam modal di-dalam Bank Bumiputera atau

mana<sup>2</sup> Bank. Ini bererti bahawa kedudukan Sharikat itu ia-lah kedudukan yang lama juga, tidak ada ranchangan daripada Kementerian dengan sebab tidak ada kuasa. Tuan Yang di-Pertua, sudut yang saya hendak bertanya ia-lah bukan-kah di-dalam pindaan Undang<sup>2</sup> bagi Sharikat<sup>2</sup> Kerjasama ini akan di-tentukan peratus-nya daripada untong yang boleh di-bahagi<sup>2</sup>kan kepada Ahli<sup>2</sup> Sharikat itu dan yang lebeh itu di-arahkan kepada kerja<sup>2</sup> yang lain, erti-nya membolehkan sa-bahagian daripada keuntungan itu di-salurkan ka-tempat<sup>2</sup> yang tertentu. Jadi sudut-nya ia-lah tidak boleh-kah Kementerian ini memasokkan satu fasal di-dalam Pembahagian Untong (Net Profit) itu supaya menjadi satu amalan yang tulin dan di-masokkan sa-bagai modal di-dalam Bank Bumiputera.

**Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ada-lah lebeh waras kita memberi kebebasan itu kepada Sharikat<sup>2</sup> Kerjasama itu sendiri membuat keputusan-nya.

### CHARA MENGAYERKAN DI-PAYA KANGSA, JERANTUT

**3. Enche' Abdul Razak bin Haji Hussin** bertanya kepada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama ada-kah beliau sedar chara<sup>2</sup> mengayerkan sawah dengan menggunakan pumping system di-Paya Kangsa, Jerantut, sekarang ini tidak boleh mengayerkan sawah sa-penoh-nya, apatah lagi hendak membuka tanah<sup>2</sup> sawah dalam kawasan itu yang belum di-buka sa-luas 400 ekar lagi; dan jika sedar, ada-kah Kerajaan berchadang hendak mengadakan chara<sup>2</sup> lain untuk mengayerkan sawah supaya tanah<sup>2</sup> yang belum di-buka itu dapat di-jadikan sawah membuat ampangan ayer di-Sungai Salan, mithal-nya, supaya pasti akan kejayaan-nya.

**Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, kesulitan taliayer di-Paya Kangsa itu bukan-lah di-sebabkan oleh keadaan mengepam-nya, akan tetapi di-sebabkan oleh keadaan tanah yang berongga

dalam kawasan yang tersebut. Oleh yang demikian sekatan ayer yang lebih banyak di-kehendaki bagi mengayurkan tiap<sup>2</sup> sa-ekar sawah di-dalam kawasan itu daripada kawasan<sup>2</sup> lain di-dalam negeri ini.

Sungai Salan yang di-kaitkan oleh Yang Berhormat telah di-siasat dengan teliti oleh Bahagian Parit dan Taliayer Kementerian ini. Malang-nya ayer yang ada di-Sungai itu sangat<sup>2</sup>-lah tidak menchukupi bagi mengayurkan kawasan Paya Kanga bila di-beri pertimbangan atas kehilangan ayer yang tersangat banyak dari sebab keadaan tanah yang berongga tempat ayer itu lalu. Parit terusan besar telah pun di-lapiskan dengan kepingan<sup>2</sup> jenis elastik untuk mengurangkan ayer<sup>2</sup> meresap dan ada-lah nyata bahawa bekalan ayer bagi masa akan datang akan menjadi baik sedikit.

**Enche' Abdul Razak bin Haji Hussin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Menteri Yang Berhormat sedar bahawa perbelanjaan membuat pumping system itu membekalkan perbelanjaan, hingga di-jalankan pumping system ini, memakan lebih daripada \$80,000 sa-tahun, pada hal yang boleh di-usahakan ia-lah 400 ekar, hitong panjang sa-tahun padi yang boleh di-ambil daripada paya itu pada sa-ekar ia-lah 400 gantang, jadi berma'ana 160,000 gantang padi sahaja yang boleh di-keluarkan sa-tahun. Jika duit \$80,000 itu di-beli dengan padi biasa, kita boleh dapat 162,000 gantang. Jadi sekarang ini tenaga yang di-gunakan oleh petani<sup>2</sup> di-kawasan Paya Kanga itu tidak memberi kebajikan yang boleh menambahkan hasil yang lebih banyak oleh wang itu—boleh di-belikan sahaja sudah dapat sa-banyak 160,000 gantang.

**Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, itu bukan soalan tetapi sa-bagai kenyataan sahaja.

**Enche' Abu Bakar bin Hamzah:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan yang di-beri oleh Menteri kita, bahawa sa-telah di-adakan satu penyiasatan di-dapati

sebab<sup>2</sup> yang memayahkan saloran<sup>2</sup> ayer kawasan itu ia-lah akibat daripada tanah<sup>2</sup> itu berongga. Jadi erti-nya ayer itu meresap masuk ka-situ. Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya-lah sebab Menteri kita Yang Berhormat ini pakar di-dalam hal<sup>2</sup> taliayer kerana dahulu pun dia bekerja sa-bagai Overseer Taliayer, jadi masalah-nya, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu dengan siasatan itu ada-kah Yang Berhormat Menteri kita ini memerentahkan supaya di-siasat dari segi taliayer sahaja atau pun di-perintah sama supaya dalam laporan itu di-sebutkan bahawa kawasan yang 400 ekar ini merupakan satu economic holding, itu yang saya hendak tahu.

**Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, itu ada-lah soal yang berlainan daripada yang asal. Kalau sa-kira-nya hendak di-buat, kena-lah memberi kenyataan dari awal.

#### TURNOVER TAX—RELIEF FOR SMALL TRADERS IN SARAWAK

**4. Enche' Ong Kee Hui (Sarawak)** asks the Minister of Finance whether he is aware of the hardship caused to a large number of small traders in Sarawak by the turnover tax, and if so, whether he would consider its total abolition or other measures to relieve this hardship.

**The Minister of Finance (Enche' Tan Siew Sin):** Mr Speaker, Sir, as I stated when introducing the turnover tax last year, and I confirmed this on subsequent occasions, cases of hardship resulting from the impact of turnover tax will be studied carefully and will be borne in mind when considering the appropriate form of development of this tax.

**Enche' Ong Kee Hui:** Mr Speaker, Sir, would the Minister then favourably consider, on the basis of the principle of double taxation, if these traders are now paying trade licence fees to the State, that some measure where a deduction of such tax payable might be made, assuming that the turnover tax is still maintained?

**Enche' Tan Siew Sin:** Mr Speaker, Sir, as I stated in reply to two questions raised earlier this week, the other tax mentioned by the Honourable Member is really a matter for the State Government to decide and there have been cases where traders or businessmen have to pay taxes both to the Central and State Governments.

**Dr Tan Chee Khoon (Batu):** Mr Speaker, Sir, is the Minister aware of the widespread dissatisfaction, agitation and, indeed, revolt in the M.C.A. against the iniquitous turnover tax? Is the Minister aware that in my own profession, this is the most iniquitous tax and, if I may, I would like to illustrate it to the Minister. If I send a case to the General Hospital for consultation and the Specialist charges the patient \$25.00 by etiquette, the Consultant does not charge the patient directly—he bills me \$25.00 and I don't charge the patient anything more than \$25.00. Consequently, in my turnover, there is this \$25.00. I do not get a cent out of it, Mr Speaker, Sir, but the iniquitous turnover tax penalises me for doing something good for my patient. Is the Minister aware of these iniquities and these revolts, which may be widespread, against this turnover tax?

**Enche' Tan Siew Sin:** Mr Speaker, Sir, I cannot recall any tax which is welcomed by anybody in this world (*Laughter*).

**Dr Tan Chee Khoon:** Mr Speaker, Sir, on a point of clarification: we are aware that most taxes are inevitable and we have to do with them, but this is an iniquitous tax which, I do know, the sooner the Government repeals it the better, or else the people of Rahang in Seremban will decide for the Government. (*Laughter*).

**Enche' Abu Bakar bin Hamzah:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu saya hendak bertanya ini bukan sudut tax yang kena pada saya sa-bagaimana yang kena pada Ahli daripada Batu itu, tetapi ia-lah apa sungutan<sup>2</sup> yang di-alami di-Sarawak oleh Pedagang<sup>2</sup> kecil,

di-alami juga di-tempat<sup>2</sup> lain termasuklah di-kawasan saya di-Bachok. Jadi saya hendak bertanya kepada Menteri Kewangan, ketika menimbang perkara<sup>2</sup> yang patut di-timbangkan bagi menghapuskan turnover tax bagi kepada orang yang tertentu ini, boleh-kah Menteri kita ini memberi satu kerian atau pun satu kaedah bahawa kalau perkara ini jadi bagini maka dia boleh di-kechualikan daripada tax jenis ini. Jadi kalau Menteri kita boleh memberi kaedah yang sa-macam ini saya bersedia-lah hendak menolong dalam kawasan saya itu melegakan sungutan itu, jadi saya minta kepada Menteri.

**Enche' Tan Siew Sin:** Mr Speaker, Sir, we have already allowed exemptions in cases of hardship and I cannot think of any other cases which require further consideration. However, if the Honourable Member can put up specific cases to the Department of Inland Revenue, we can certainly see what can be done.

#### **PEMBENAAN RUMAH<sup>2</sup> DI-DALAM DAERAH KAWALAN DI-JALAN KUCHING/SIMANGGANG, SARAWAK**

5. **Enche' Ong Kee Hui** bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar mengapa pekerjaan membena rumah<sup>2</sup> di-dalam Daerah Kawalan di-Jalan Kuching/Simanggang, Sarawak, di-beri kepada sa-orang kontrekter dengan tiada memanggil tender<sup>2</sup> dan nyatakan apa-kah ke-layakan istimewa kontrekter ini, jika ada, dan sama-ada beliau sedar bahawa kontrekter ini sa-telah mendapat kontrek itu membahagi<sup>2</sup>kan pula kontrek pekerjaan itu kepada orang lain.

**Enche' Sulaiman bin Bulon:** Tuan Yang di-Pertua, perjanjian membuat rumah<sup>2</sup> peserta dalam kawasan gerakan *hammer* ia-lah di-antara peserta<sup>2</sup> sendiri dengan kontrekter<sup>2</sup> yang berkenaan. Chara yang di-lakukan di-sini ia-lah sa-saorang peserta di-beri bantuan \$500 untuk mendirikan rumahnya, maka terpulang-lah kepada peserta itu sendiri membuat urusan bersendirian untuk pembenaan rumah mereka itu.

**ABOLITION OF IMPORT  
RESTRICTIONS OR QUOTAS  
ON COMMODITIES ON  
COMMON MARKET LIST**

**6. Enche' Tan Tsak Yu (Sarawak)** asks the Minister of Commerce and Industry to state whether the Central Government will consider abolishing the import restrictions or quotas on commodities which are on the Common Market List.

**The Minister of Commerce and Industry (Dr Lim Swee Aun):** Mr Speaker, Sir, import restrictions on most of the commodities on the Common Market Item List have already been removed on the 9th of October. What are left are only temporary.

**Enche' Tan Tsak Yu:** Mr Speaker, Sir, in view of the fact that at present all the quota applications are sent to Kuching for approval, this centralisation of procedure has caused great hardships to the business community in the other Divisions in Sarawak because, in most cases, the applicants have to wait for a considerable period of time before approval is given to them. Will the Minister consider ways and means to improve the situation there, if he considers that this cannot be abolished?

**Dr Lim Swee Aun:** The system is being improved every day, Sir. *(Laughter).*

**STEPS TO ENSURE NO  
SHORTAGE OF COMMODITIES  
AFFECTED BY THE COMMON  
MARKET**

**7. Enche' Tan Tsak Yu** asks the Minister of Commerce and Industry to state whether the Central Government will consider taking steps to ensure that there will be no shortage of supply of commodities which are affected by the introduction of the Common Market, considering the fact that there is very little trade relation between Sarawak and Malaya at present.

**Dr Lim Swee Aun:** Mr Speaker, Sir, the Government has already taken steps to increase the trading relationship between Sabah, Sarawak and the Mainland.

**Enche' Tan Tsak Yu:** Sir, what steps have the Minister taken to ensure the adequacy of supply to the Borneo States?

**Dr Lim Swee Aun:** The steps to be taken to reduce the shortage in the supply of goods to the Borneo territories, as the Honourable Member himself knows, have to be taken by the trading community. We have already sent a trade mission to Kuching in the State of Sarawak on the 9th where our manufacturers and our exporters would have the opportunity to have closer understandings and be able to solve the problem of transportation of orders and supply of goods from mainland Malaysia to Sarawak and Sabah. In fact, yesterday, the Honourable Member had the opportunity to attend a meeting sponsored by the Government, where members of the Chambers of Commerce and members of the manufacturing associations and also the shippers in this country met to discuss this problem of how to improve the supply of goods to the Sarawak State.

**STRIKE BY WORKERS OF  
CHIP SENG & Co.**

**8. Enche' C. V. Devan Nair (Bungsar)** asks the Minister of Labour to give the reasons for the recent strike of the workers of Chip Seng & Co. and to state what action his Ministry has taken in order to secure the reinstatement of dismissed employees and the settlement of the dispute.

**The Minister of Labour (Enche' V. Manickavasagam):** Mr Speaker, Sir, the strike by workers of Chip Seng & Co. is due to various causes, among which was the action by the company to dismiss five workers and to suspend another for alleged misconduct. The dispute over the dismissal and suspension was reported to me by the Company on 21st September, 1965 under the Essential Arbitration in Essential Services Regulations, 1965, and it has now been referred for settlement to the Industrial Arbitration Tribunal.

**Enche' C. V. Devan Nair:** May I enquire, Sir, when exactly was the reference to the Industrial Arbitration Tribunal made?

**Enche' V. Manickavasagam:** Sir, as I said just now, the report was made to me by the Company on the 21st September, 1965, and reference to the Tribunal was made some time in October.

**Dr Tan Chee Khoon:** Sir, is the Minister aware that one of the causes of this strike, as indeed one of the main causes of most strikes in this country, is either non-recognition of a union or dismissal of officers of the union under the guise of inefficiency, insubordination and the like? If so, can the Minister enlighten this House on what steps does his Ministry propose to take to tell employers, all and sundry, that the workers in this country will not tolerate any such victimisation?

**Enche' V. Manickavasagam:** Mr Speaker, Sir, I am aware of the causes of disputes arising out of non-recognition of unions as well as dismissals. The employers have a different version to say just as the workers have their side of the version. Sir, in this particular dispute, as I have said, reference has been made to the Tribunal and we will wait for the outcome.

**Enche' C. V. Devan Nair:** May I just ask what are the terms of reference of the Industrial Arbitration Tribunal in respect of this particular dispute?

**Enche' V. Manickavasagam:** Sir, that is a separate question. However, I must say that both sides have given their versions and the Tribunal is looking into them.

**Enche' C. V. Devan Nair:** Mr Speaker, Sir, perhaps, the Honourable Minister has misunderstood me. What I would like to know is what are the points which have been referred to the Arbitration Tribunal—is it the refusal of the employers to reinstate the five dismissed workers and to lift the suspension of one? I take it that that is what is before the Court.

**Enche' V. Manickavasagam:** Yes, Sir.

**Dr Tan Chee Khoon:** Mr Speaker, Sir, the Honourable Minister has given us one point that it has been referred to the Arbitration Tribunal. Can the Honourable Minister please enlighten this House on the other points—whether they are from the employers' or from the workers' side that have been referred to the Arbitration Tribunal?

**Enche' V. Manickavasagam:** Sir, as I have just said, the request was made by the Company for reference of settlement of this dispute; and I have also said that both sides have given their versions. In fact, the union had nine items for inclusion.

### RESTORATION OF FULL PENSION TO GOVERNMENT PENSIONERS

**9. Enche' C. V. Devan Nair** asks the Prime Minister whether the Government will agree to reconsider its attitude on the subject of restoration of full pension for all those pensioners who had opted for a commuted pension gratuity, in view of the fact that they had signed the option papers in the belief that full pension would be restored to them after the tenth year of their retirement; and also in consideration of the fact that the Government of Ceylon in 1964, had restored full pension for all pensioners after the 11th year.

**The Prime Minister:** Mr Speaker, Sir, I wonder if the Honourable Member would mind very much if I make a request to you for permission to take Questions No. 9 and No. 13, as I have a very important engagement in a few minutes' time and as the next question, I think comes from the Honourable Member too.

**Enche' C. V. Devan Nair:** Mr Speaker, Sir, Question No. 13 comes from the Honourable Member for Tanjong.

**Mr Speaker:** Would you mind?

**Enche' C. V. Devan Nair:** No, I don't mind.

**The Prime Minister:** In respect of this question No. 9, Sir, the position

has not materially changed since the question was raised by the Honourable Member in the last adjournment speech he made in the May/June session of this House. The matter then was regarded as *subjudice* because it was a subject matter for the Court, but today the matter has gone to a Court of Appeal and it is still *subjudice* for that matter. So, I think it would be very difficult for me to enlighten the Honourable Member more than what I have said last time.

### LEGAL AND CONSTITUTIONAL DEFINITION OF "BUMIPUTERA"

**13. Dr Lim Chong Eu (Tanjong)** asks the Prime Minister to state whether there is a legal and constitutional definition of the term "BUMIPUTERA", and whether children of Malaysian citizens who were born after August 31st, 1963, will also be entitled to all the rights of BUMIPUTERA.

**The Prime Minister:** Mr Speaker, Sir, the term "Bumiputera" for that matter has no legal meaning except in so far as to denote the natives of the mainland of Malaya and the natives of the Borneo States; or, in other words, the indigenous people of Malaya such as the Malays, the aborigines and the people of Sabah and Sarawak such as the Iban, the Muruts, the Melanaus and all these other people, who are indigenous to these territories. Since it has no legal meaning, anyone is entitled to call himself "bumiputera"—for that matter, I would say that even an Eurasian of Portuguese descent could very well call himself "bumiputera" of this country; or, for that matter again, the Eurasians, who are of British descent, so long as they do not refer to Britain as their home, and again for that matter, those Chinese and Indians who have been born here for several generations, are entitled to call themselves "bumiputera" so long as they do not describe themselves as Chinese, or call themselves as Chinese, and so it follows, except of course, under Section 153 of the Constitution, it provides that the Yang di-Pertuan Agong shall safeguard the position of

the Malays and the natives of the Borneo States, that means Sabah and Sarawak.

**Dr Lim Chong Eu:** Mr Speaker, Sir, arising out the reply made by the Honourable Prime Minister, I must say that we are very thankful for this very long reply, which is one of the replies, which covers a lot. I have two questions further to ask and I think I had better ask them one by one. The Honourable Prime Minister referred to the Chinese of several generations. I am not concerned over what has happened in the past, but I am concerned now with people who are now qualified to be Malaysians—Chinese or otherwise, Indians, Malays and so on as they are Malaysians—will their children qualify as "bumiputera"? We are starting off with a new nation: will their children be "bumiputeras"?

**The Prime Minister:** They are, under the law, all Malaysians, but "bumiputera" is a word that goes deeper than the word "Malaysian". "Malaysian" in effect, means that a person is not entitled to own up to any country as his home of origin and, as I said just now, the Chinese or the Indians who so wish to call themselves as "bumiputera" are welcomed to do so. In fact, it would be a very good thing if they would do that. However, there are these, admittedly, among the Chinese, among the Indians, who are still proud of the fact that they are Chinese and Indians, because of the long tradition connected with their race but, as I said, I am here to try and build up unity among the people of this country and I would be one who would welcome with both hands any desire on the part of these Malaysians to call themselves "bumiputera" (*Applause*), but there must, of course, be this distinction as is provided under Article 153, in that these people, the natives of Malaysia the indigenous people, are less advanced and less able to compete with these other Malaysians. So, it is necessary, for some time to come, that the provisions of Article 153 must be upheld and respected.

**Enche' Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan: mengapa-kah pehak Perdana Menteri tidak menjawab satu soalan yang bertulis daripada sa-orang Ahli PAS yang meminta ta'rif bumiputera ini; ada-kah soalan itu tidak sampai atau pun Perdana Menteri kita tidak mahu menjawab sa-chara bertulis?

**The Prime Minister:** Soalan bertulis dengan soalan jawab mulut ini beratus, jadi saya lupa barangkali harus juga benda ini tertinggal. Tetapi saya boleh jawab, hal bumiputera ini bukan-lah ta'rif itu sa-bagaimana kita Melayu ia-lah sa-orang yang beragama Islam dan berbahasa Melayu. Ta'rif bagi orang<sup>2</sup> native Borneo dan Sarawak ia-lah sa-orang; saya pun lupa apa (*Ketawa*). Ma'ana-nya dia orang negeri lain melainkan Sarawak dan Borneo sahaja, itu yang saya ingat. Tetapi dengan sebab saya tidak ada notice, saya lupa hendak sebutkan dengan tepat-nya ta'rif native Borneo dan Sarawak.

**Enche' Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan sedikit sahaja lagi. Saya berpuas hati dengan perchakapan Perdana Menteri itu tetapi saya hendak tahu mengapa soalan itu tidak di-jawab, pada hal soal itu bertulis dalam satu kertas. Soalan<sup>2</sup> yang lain berjawab tetapi soalan itu tidak di-jawab, itu yang saya tanya. Tentang sharahan itu—falsafah macham itu saya tahu-lah.

**The Prime Minister:** Yang sa-benarnya saya tidak teringat ada menerimanya, barangkali Ahli Yang Berhormat menghantar lambat sedikit; saya ingat begitu, jika tidak saya akan jawab.

**Dr Lim Chong Eu:** Mr Speaker, Sir, I did say that I have another supplementary question arising out of the explanation made by the Honourable Prime Minister. If I am correct, Sir, one would say that the word "Malaysian" is all embracing and the word "bumiputera" is all embracing also, but where as the word "Malaysian" covers a wider range, the word "bumiputera" covers a deeper

range. I hope that this is the interpretation I get. If that is the case, I wonder whether the Honourable Prime Minister can elucidate this fact. We all know that when a person becomes a Malaysian, he automatically abjures his allegiance to any other country. In fact, every Malaysian has only one country. That I think is an almost important proviso of the Constitution, under which case, Sir, I feel that there should be no discrimination and I would like the Honourable Prime Minister to tell us whether there are Malaysians who, in fact, have two allegiances.

**The Prime Minister:** Those who have two allegiances that is to their own knowledge; but when they are Malaysians, they are supposed to have undivided loyalty to this country. As I have said, this word "bumiputera" has no legal meaning or legal significance, and it has not been defined in our Constitution. From that, we could say that a bumiputera and a Malaysian both enjoy exactly the same rights and have the same duties and responsibilities as Malaysian; the deeper meaning, perhaps, is intended to convey that there is a certain section in the Constitution which does give them certain rights.

**Dr Tan Chee Khoon:** Sir, in view of what the Prime Minister has said, is he aware that with this term "bumiputera" which has no legal meaning, the sooner we do away with it the better it is, and that we call ourselves "Malaysians", "sons of the soil", whether he is a Melanau, or a Kadazan or a Murut or a "John Chinaman". Is the Prime Minister also aware that this word, while necessary in the present context of our "history" is a divisive term that may give rise to misgivings on the part of people who, in the more accepted sense of the word, may think that they are excluded from being a "bumiputera"? That's No. 1 question, Mr Speaker, Sir. No. 2, Mr Speaker, Sir: I do not know whether the Honourable Prime Minister in defining that I am now a bumiputera, —by his definition, I was born in this

country and I owe no allegiance to any other country but Malaysia—does it not mean that I can be a participant of Bank Bumiputera, Mr Speaker, Sir?

**The Prime Minister:** I agree with the Honourable Member that we hope one day all these words that distinguish us Malaysians in this country will disappear—and, given time, I am sure they will disappear. But as for the Honourable Member, if he chooses to call himself a “bumiputera” and takes all the advantages under the economic planning, which it is intended to help the poor people, I do not think he is entitled to it, because he is a rich man. (*Laughter*).

**Dr Lim Chong Eu:** Mr Speaker, Sir, I have two questions, and I think I'll frame them both at the same time because the Honourable Prime Minister has got something else. Sir, I wish to ask the Honourable Prime Minister on a point, which is direct. Would the Straits-born Chinese—I mean the term as used in the English language but our own local term for them is “Babas”.—would they qualify as “bumiputeras”? That is question No. 1. The second one Sir, is that, in view of the fact that the Honourable Prime Minister has suggested that the term “Chinese” and its connotation, the term “Indian” and its connotation—as suggested by the Member from Batu—could have a divisive effect, because it has an emotional political content in it, would not he advise his colleagues in the M.C.A. (The Malayan Chinese Association) and the M.I.C. (The Malayan Indian Congress) to change their names and come into the spirit of the “bumiputeras”?

**The Prime Minister:** Sir, it is not easy for me to answer that question. If I am given notice, I will consult my colleagues in the M.C.A. and in the M.I.C. but to answer on their behalf would not be easy; they might not like to be called “bumiputera” and, therefore as I said, if he were to ask me next time, I will make sure that I will find out the wishes of these people before I make an answer.

**Enche' C. V. Devan Nair:** Sir, could we take it to mean that the Honourable Prime Minister's colleagues in the M.C.A. and the M.I.C. are regarded by him as being less “bumiputric” than the other “Bumiputeras”? (*Laughter*).

**The Prime Minister:** This is a very interesting question. Having worked with them all these years, I do not regard them as anything else but Members of the Alliance.

**Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kelantan Hilir):** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya satu soalan. Saya fikir Yang Teramat Mulia Perdana Menteri belum lagi jawab soalan yang telah di-kemukakan oleh wakil daripada Pulau Pinang ia-itu “Straits-born Chinese”. Ada-kah mereka itu berhak memanggil mereka itu sa-bagai “Bumiputera”? Kalau sa-kira-nya mereka itu berhak di-panggil sa-bagai bumiputera, ada-kah di-sisi Kerajaan, satu sekatan atau berapa keturunan-kah satu bangsa asing yang beranak, yang lahir dalam Tanah Melayu ini, orang<sup>2</sup> ini baharu-lah di-namakan bumiputera? Saya harap mendapat penjelasan daripada Perdana Menteri.

**The Prime Minister:** Tuan Yang di-Pertua, susah saya hendak beri penjelasan bagaimana saya kata pertama tadi, ini tidak di-ta'rifkan bumiputera ini. Jadi barang siapa yang suka hendak panggil diri-nya bumiputera, dia berhak tetapi sa-bagai chakapan yang terbit daripada orang<sup>2</sup> asli di-Sarawak dan Borneo, di-sebutkan mereka dengan bahasa Inggeris ‘native’. Sa-telah negeri itu dapat kemerdekaan mereka sendiri yang sebutkan diri mereka itu bumiputera. Jadi dengan kerana itu-lah sebutan bumiputera telah di-gunakan di-dalam perkara<sup>2</sup> yang tujuan Kerajaan hendak memberikan faedah atau buat kan rancangan kepada orang<sup>2</sup> yang tersebut itu. Jadi bagi pehak orang<sup>2</sup> keturunan China, yang di-katakan “Straits-born” atau Baba dan Nyonya, kalau mereka hendak panggil diri mereka bumiputera ada-lah tidak ada tegahan, bagitu-lah juga bagaimana saya kata orang Nasrani (Eurasian) kalau dulu itu Eurasian berma'ana-nya orang sini yang



beragama Christian. Serani dalam perkataan kita berma'ana Christian. Jadi orang ini membezakan diri-nya daripada orang Melayu yang Islam, di-panggilkan diri-nya Serani dan sekarang ini telah pun dunia berubah, mereka panggilkan diri mereka itu Eurasian, berma'ana campuran darah antara Asia dengan Europe dan mereka juga berhak sa-kira-nya mereka hendak panggil diri mereka itu bumiputera. Tidak siapa boleh larang atau tegah. Jadi itu-lah sa-takat yang saya boleh jawab. Sa-lain daripada itu tak upaya saya hendak kata apa lagi-lah, biar-lah masa lanjut sedikit supaya kita boleh berfikir.

**Dr Lim Chong Eu:** Sir, one last supplementary question: in view of the fact that, in the course of these questions and answers, the term "bumiputera" shows itself either of loose or of too tight a connotation, would it not be better for us legally, in legislation, to refer definitely to Melayu dan bumiputera, as already appeared in the MARA Bill, because the word "bumiputera" constitutionally referred originally to the various natives in the North Borneo States, and because there are so many of them—40,000 in one group—and so many divisions of them, it would collectively refer to them in that sense. I am only referring to the legal aspect of it, Sir, not the social aspect of it, which I think the Honourable the Prime Minister has covered adequately.

**The Prime Minister:** Mr Speaker, Sir, in actual fact, on the legal aspect of it, the Malays are referred to as Malays. It is only when we generalise the term which we had in mind to refer to the indigenous people of Malaya and the Borneo States that the term has now been employed—i.e. "bumiputera". But it is immaterial whether we use Malay as Malays and other as "bumiputera". Legally we use under Malays as Malays.

**Enche' Goh Chong Keat (Penang Utara):** Sir, arising out of the answers given by the Honourable the Prime Minister, I would like to ask a

supplementary question. I would like to find out the standing of the "Jawi Peranakan". (*Laughter*) Do you consider them as Malays or bumiputeras? Do they come within the definition of the Constitution, Article 153, and enjoy the privileges of the Malays? (*Laughter*).

**The Prime Minister:** Mr Speaker, Sir, "Jawi Peranakans" are found mainly in Penang. They are of Indian descent, born there, but very much mixed with Malays. Today they are referred to as Malays, but no more as *Jawi Peranakan*. If you refer to them as *Jawi Peranakan*, they will get very, very annoyed. (*Laughter*).

**Dato' Mohamed Asri bin Haji Muda (Pasir Puteh):** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana mengikut sa-panjang penjelasan yang di-berikan oleh Yang Amat Mulia Perdana Menteri ini nyata-lah bahawa ta'rif bumiputera ini maseh samar<sup>2</sup>. Apa-kah pehak Kerajaan bersedia hendak mengadakan atau menyusun satu ta'rif yang tegas dan jelas tentang maksud bumiputera ini?

**The Prime Minister:** Itu-lah saya jawab tadi ini. Perkara ini baharu bangkit. Jadi saya hendak jawab semua dengan tepat tidak dapat. Hal ini tentu-lah akan di-timbangkan oleh Kerajaan pada masa hadapan.

**Dato' Mohamed Asri bin Haji Muda:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi soalan tambahan. Baharu sebentar tadi Tengku Perdana Menteri kita telah menyatakan bahawa bagi baba<sup>2</sup> China atau pun China<sup>2</sup> peranakan mereka suka hati mereka hendak menamakan diri mereka bumiputera atau pun tidak. Sa-kira-nya mereka dengan sukarela hendak menamakan diri mereka bumiputera, apa-kah mereka berhak mendapat segala keutamaan<sup>2</sup> yang di-maksudkan di-dalam sa-barang undang<sup>2</sup>, atau pun sa-barang Rancangan dan sa-barang Lembaga amanah yang di-tujukan kepada membantu bumiputera, sedangkan sekarang ta'rif bumiputera dengan jelas belum ada.

**The Prime Minister:** Bumiputera ini kalau kita timbang dengan di-ambilkan Bab 153 dalam Perlembagaan kita ini berma'ana orang Melayu sudah ada ta'rif, dan natives of Borneo dan Sarawak sudah pun di-berikan ma'ana. Jadi bumiputera ini belum lagi di-beri apa<sup>2</sup> ma'ana chuma-nya sa-saorang yang memikirkan dia tidak ada lain negeri melainkan ini-lah negeri-nya, kalau dia hendak sebutkan nama-nya bumiputera dia berhak. Tetapi bagaimana soal Yang Berhormat itu ada-kah dia ini berhak menerima segala faedah yang di-untukkan kepada bumiputera, itu sa-takat sekarang ini tidak dapat. Itu-lah yang dapat saya katakan.

